

**MASJID SALEHIN SEBAGAI WASILAH DAKWAH KEPADA PELATIH-PELATIH  
PASUKAN POLIS DI PUSAT LATIHAN POLIS KUALA LUMPUR  
(THE ROLE OF SALEHIN MOSQUE IN DELIVERING ISLAMIC KNOWLEDGE  
AND INCULCATING SPIRITUAL STRENGTH AMONG POLICE TRAINEES)**

Nik Daud bin Raja Hussein, Mohd Helmi bin Abd Rahim & Rosmawati binti Mohamad Rasit

**Abstrak**

Kajian dijalankan untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh Masjid Salehin (Masjid PULAPOL) di PULAPOL Jalan Semarak Kuala Lumpur dalam memberi kefahaman Islam dan mengukuhkan kerohanian pelatih-pelatih polis. Melalui kajian lapangan yang menggunakan soal selidik serta temubual sebagai instrumen kajian, data-data dikumpul dan dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 12.0 untuk menentukan keberkesanan program pengukuhan kerohanian yang dijalankan untuk pelatih-pelatih polis tersebut. Dapatan kajian menunjukkan program yang dijalankan di Masjid PULAPOL itu dapat memberikan kesedaran, meningkatkan kefahaman dan memberi motivasi kepada pelatih-pelatih untuk beramal dengan amalan Islam. Namun, kajian mendapati masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki bagi menghasilkan kesan yang lebih baik kepada pelatih-pelatih polis. Dapatan kajian merumuskan perkara utama yang perlu diberi penekanan untuk penambahbaikan ialah merangka silibus yang lebih tersusun, memperuntukkan masa yang lebih panjang, menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi, melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih berkesan, memperbanyakkan aktiviti yang memenuhi keperluan pelatih-pelatih di masjid dan menyediakan peruntukan kos yang mencukupi untuk memastikan program dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

*Kata kunci:* Wasilah dakwah, Kerohanian, Kesedaran, Kefahaman, Pembangunan insan

**Abstract**

This study is carried out to identified the role of Masjid Salehin (PULAPOL Mosque) Jalan Semarak, Kuala Lumpur in delivering Islamic knowledge and inculcating spiritual strength among the police trainees. Using field studies which utilize the related questionnaires and interviews as research instruments, the data was collected and analyzed using SPSS version 12.0 to determine the effectiveness of the spiritual program carried out among the police trainees. The findings showed that programs held at PULAPOL had increased awareness, understanding of Islam and had motivated the trainees to practice Islamic teaching. Nevertheless, the study found that there are many weaknesses which need to be strengthen in order to gain more successfull achievement. The findings of the study conclude that the main areas to be improve include providing a more structured syllabus design, allocating a longer time period of the programme, providing adequate teaching staff, an implementing a more affective teaching methods and adding more activities at the mosque that meet the requirements of the trainees. There is also a need to provide more allocation to enable the program be carried out smoothly and effectively.

*Keywords:* Wasilah dakwah, Spirituality, Awareness, Understanding, Human capital development

## **1.0 PENGENALAN**

Masjid merupakan sebuah pusat atau institusi penting dalam dakwah Islamiah masa kini. Melalui program-program yang dilaksanakan, masjid sebenarnya mempunyai fungsi yang besar untuk mewujudkan masyarakat yang beriman, bertakwa dan cemerlang. Sekurang-kurangnya lima fungsi yang perlu dimainkan oleh masjid iaitu membina ukhwh Islamiah masyarakat, membina akhlak terpuji, membina keimanan dan ketakwaan, mencegah kemaksiatan di sekitar kariahnya serta membenters fahaman yang sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam (Mohd Ismail & Kamarul Azmi, 2008). Oleh itu, berbagai aktiviti perlu dilaksanakan oleh pihak institusi masjid bagi memastikan peranannya aktif dalam proses pembangunan ummah. Sehubungan itu, masjid juga perlu menjadi pemangkin, penggerak dan pencetus dalam proses untuk meningkatkan pencapaian ummah dalam berbagai bidang seperti pendidikan, sosio-ekonomi, politik dan sebagainya. Pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid perlulah mempunyai minda yang terbuka, berfikiran kritis dan kreatif untuk merangka dan melaksanakan berbagai program yang boleh melahirkan ummah yang cemerlang dalam segenap aspek.

Sementara itu, Masjid Salehin (kemudian disebut Masjid PULAPOL) merupakan satu-satunya masjid yang dibina dalam kawasan Pusat Latihan Polis di Jalan Semarak, Kuala Lumpur bertujuan untuk menyediakan tempat ibadah dan aktiviti keagamaan kepada warga PULAPOL khususnya kepada pelatih-pelatih yang menempati pusat ini silih berganti. Semenjak ia dibina dan beroperasi sekitar tahun 1970an, ia menjadi nadi utama kepada PULAPOL untuk menjalankan program keagamaan bagi membina kemantapan kerohanian anggota polis yang mengikuti latihan di PULAPOL ([masjidsalehinpulapol.blogspot.com](http://masjidsalehinpulapol.blogspot.com)).

Jika dilihat kepada jumlah pelatih-pelatih yang menjalani latihan di PULAPOL, setiap tahun, lebih 2000 orang pelatih akan menjadi penghuni di PULAPOL untuk menjalani latihan yang mengambil masa sekurang-kurangnya 6 hingga 12 bulan (PULAPOL, 2013). Sepanjang tempoh latihan tersebut, mereka akan mengikuti modul latihan yang ditetapkan samada latihan berbentuk amali mahupun latihan yang berbentuk teori bagi mempersiapkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelatih-pelatih yang terpilih untuk menjadi anggota pasukan polis. Melihat kepada jumlah pelatih yang agak ramai dan datang silih berganti setiap kali musim latihan diadakan, ia sudah cukup menggambarkan betapa strategik dan besarnya peranan yang boleh dimainkan oleh masjid PULAPOL dalam menjalankan dakwah kepada pelatih-pelatih yang memasuki pusat latihan tersebut. Oleh itu, menjadi tujuan kajian ini untuk menilai keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Masjid PULAPOL dalam menerapkan kefahaman Islam dan membina akhlak yang baik kepada pelatih-pelatih polis.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pendidikan agama atau kerohanian adalah suatu yang amat penting dalam membangun organisasi polis yang berkesan. Agama akan mendidik anggota polis supaya tidak mengamalkan rasuah, berkerja dengan penuh tanggungjawab dan menjadikan tugas untuk memastikan ketenteraman dan keselamatan awam di negara ini terus terpelihara sebagai suatu ibadah yang dijalankan dengan sebaik mungkin (Mohd Shauki 2009). Sehubungan itu, kefahaman tentang Islam dan penerapan nilai-nilai Islam yang perlu diamalkan juga menjadi agenda utama yang diterapkan sepanjang latihan yang diikuti oleh pelatih-pelatih di pusat latihan polis. Dalam memberi kefahaman tentang Islam, nilai-nilai yang perlu diamalkan dan berbagai aspek tentang Islam, masjid PULAPOL atau lebih khusus lagi Masjid Salehin

memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan dakwah Islamiah kepada pelatih-pelatih baru yang ditempatkan di pusat latihan ini.

Program dakwah untuk pelatih-pelatih polis yang dijalankan di Masjid PULAPOL dinamakan “Modul Pengukuhan Kerohanian Untuk Pelatih Polis”. Terdapat dua modul kerohanian yang berbeza iaitu Modul Pengukuhan Kerohanian Untuk Pelatih Konstabel dan Modul Pengukuhan Kerohanian Untuk Pelatih Inspektor. Objektif modul pengukuhan kerohanian ini adalah untuk memberi kefahaman asas tentang agama, kesedaran tentang tanggung jawab mereka kepada Allah SWT dalam memikul beban tugas yang diamanahkan, membentuk sikap dan akhlak yang baik dalam menjalankan kerja supaya sesuai dengan akhlak Islam dan seterusnya melahirkan budaya kerja yang cemerlang.

Persoalannya, apakah program yang dijalankan tersebut sesuai dan boleh mencapai tujuan yang diharapkan iaitu memenuhi hasrat, cita-cita dan visi pasukan polis yang ingin melahirkan seorang pegawai polis yang bukan sahaja cekap malah mempunyai keperibadian yang baik dan mengamalkan nilai-nilai Islam yang murni. Dengan kata lain, apakah program yang dijalankan tersebut berkesan untuk membentuk seorang anggota polis yang berintegriti. Sementara itu, bagaimana pula pandangan pihak pengurusan PULAPOL dan pihak pelatih sendiri mengenai program yang telah dijalankan di masjid tersebut. Jika terdapat kekurangan dan kelebihan, apakah kekurangan-kekurangan yang perlu diperbetulkan dan apakah pula kelebihan yang perlu terus dikekalkan atau dipertingkatkan lagi. Sehubungan itu, kajian dijalankan untuk mengkaji keberkesanan program dakwah yang dilaksanakan di Masjid PULAPOL terhadap pelatih-pelatih polis.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang dijalankan adalah:

1. Menilai kesesuaian program-program yang dilaksanakan oleh Masjid PULAPOL mengikut perspektif pihak pengurusan dan pelatih-pelatih PULAPOL.
2. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan Masjid PULAPOL.
3. Menilai keberkesanan program dakwah yang dijalankan oleh Masjid PULAPOL.
4. Memberi cadangan untuk menambahbaik program yang dijalankan oleh Masjid PULAPOL.

### **4.0 TINJAUAN LITERATUR – PERANAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN UMMAH**

Masjid merupakan sebuah institusi umat Islam yang unggul. Selain sebagai pusat ibadah, masjid menjadi lambang pusat pengembangan ajaran dan syiar Islam, tempat sumber maklumat, pusat perhubungan, pusat kegiatan sosial, pusat kegiatan ekonomi dan sebagainya (Abdul Halim Nasir, 1984:5). Bahkan bagi sebahagian masyarakat muslim, masjid memainkan peranan yang penting dalam pendidikan kerana melalui masjid, pendidikan dan pembinaan umat dilakukan secara intensif baik secara rasmi mahupun tidak rasmi (Azyumardi Azra, 2003).

Di zaman Rasulullah SAW, masjid memainkan peranan yang sangat penting kerana masjid dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan pembangunan umat Islam. Masjid memainkan peranan yang paling penting dalam mengeratkan tali persaudaraan umat Islam, tidak kira kaya atau miskin, pemerintah atau rakyat biasa. Di samping menjadi tempat ibadah,

ia juga menjadi institusi pengajian yang mengeluarkan cerdik pandai Islam dalam setiap bidang kehidupan. Di masjid itu juga baginda mengajar hukum-hukum agama Islam (Haron Din, 1988: 211). Dalam sejarah Islam, pelbagai perancangan pembangunan masyarakat Islam dilaksanakan dan segala aspek kehidupan dipusatkan di masjid (Mohamad Tajuddin, 1999: 40). Baginda Rasulullah SAW mentadbir segala urusan negara seperti menyusun dan merancang pelbagai peraturan serta menyelesaikan segala masalah umat semuanya di masjid (SidiGhazalba, 1975: 146). Masjid telah memainkan peranan penting dalam perjalanan sejarah dakwah Islamiah kerana di masjidlah direncanakan segala usaha pelaksanaan dakwah Islamiah dan seterusnya dilatih para pendakwah yang berjuang di jalan Allah (Mohamad Tajuddin, 1999: 45-46). Begitu juga dengan strategi dan perancangan perang dibicarakan di masjid, seolah-olah masjid adalah sebagai markas tentera. Mujahid Islam yang luka dalam peperangan ditempatkan di khemah di perkarangan masjid untuk diberi rawatan (SidiGhazalba, 1975: 147).

Demikian juga dengan urusan perbendaharaan negara, idea-idea ekonomi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibicarakan di masjid (Haron Din, 1988:211). Melalui khutbah Jumaat, penyampaian dakwah, musyawarah, penerangan, penghayatan, masjid memberi petunjuk kepada masyarakat supaya mengasaskan kehidupan dan pelaksanaan ekonomi berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Begitulah luasnya peranan masjid dalam konteks hubungannya dengan kehidupan ummah yang dapat dirumuskan seperti berikut (M.Quraish Shihab, 1996: 116): (1) Tempat ibadah (solat, zikir, iktikaf dan sebagainya). (2) Tempat pendidikan (dari tradisi halaqah hingga ke tahap pelajaran tinggi). (3) Tempat musyawarah Rasulullah SAW dan para sahabat. (4) Tempat kebajikan masyarakat. (5) Tempat latihan ketenteraan dan persiapan alat-alatnya. (6) Tempat rawatan dan pengubatan mangsa peperangan. (7) Tempat perdamaian dan pengadilan sengketa. (8) Dewan dan tempat menerima tetamu. (9) Tempat menawan tahanan. (10) Pusat penerangan atau pembelaan agama.

Bagaimanapun perkembangan negara-negara Islam dan kelainan corak dan sistem kepimpinan Islam dalam zaman-zaman yang kemudiannya, maka peranan masjid pada zaman Rasulullah SAW tidak lagi berlaku sepenuhnya. Ia lebih tertumpu sebagai tempat ibadah sembahyang, tempat mengaji dan tempat melaksanakan beberapa aktiviti kemasyarakatan yang sangat terbatas. Berbagai fungsi dan peranan yang dimainkan oleh masjid pada masa dahulu telah diambil alih oleh institusi-institusi khas. Peranan ketenteraan misalnya, sudah diambil alih oleh institusi ketenteraan, peranan perubatan telah diambil alih oleh institusi kedokteran, peranan pendidikan sudah diambil alih oleh institusi pendidikan, peranan kehakiman telah diambil alih oleh institusi kehakiman dan seterusnya. (M. Quraish Shihab, 1996: 87). Peranan utama masjid masa kini dapat disimpulkan dalam hal-hal berikut (Salim, 2008): (1) Sebagai tempat beribadah. (2) Sebagai tempat menuntut ilmu. (3) Sebagai tempat pembinaan jamaah. (4) Sebagai tempat dakwah dan kebudayaan Islam. (5) Sebagai pusat pengkaderisasi umat. (6) Sebagai basis kebangkitan umat (dari berbagai aspek baik dari segi ideologi, politik, ekonomi, pendidikan, budaya dan sosial).

Mohd Ismail dan Kamarul Azmi (2008) dalam bukunya bertajuk “Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari” telah menjelaskan falsafah dan fungsi masjid dalam Islam serta berbagai peranan masjid dalam masyarakat hari ini termasuklah dalam pendidikan, komunikasi, kecemerlangan minda dan pembangunan masyarakat. Menurut Norradzoh dan Yusmini (2008), berdasarkan dapatan kajian, aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid masa kini dibahagikan kepada 3 jenis: (1) Aktiviti asas yang merangkumi aktiviti yang wajib dilakukan seperti sembahyang lima waktu, sembahyang jumaat, ibadah korban, pusat

pembayaran zakat fitrah, sembahyang jenazah dan lain-lain. (2) Aktiviti sekunder yang disusun oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri dan Jawatankuasa Masjid seperti kelas pengajian agama, sambutan hari kebesaran Islam, majlis musabaqah al-Quran dan lain-lain. (3) Aktiviti pengurusan. Hairunnizam et al. (2006) menjelaskan masjid merupakan wadah yang paling strategik dalam membina dan mengerakkan potensi umat Islam untuk mewujudkan sumber daya manusia yang berkualiti. Antara kekuatan yang boleh menyumbang kepada kekuatan masjid dalam membentuk sebuah masyarakat Islam yang berkualiti ialah keaktifannya dalam menganjurkan berbagai aktiviti kemasyarakatan baik dari segi pendidikan keagamaan, ekonomi, sosial mahupun politik.

Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin (2011) dalam kertas kerjanya bertajuk “Institusi masjid dalam pembangunan umat Islam masa kini” telah merumuskan hasil kajiannya bahawa masih terlalu banyak aktiviti yang perlu dilakukan oleh pihak institusi masjid bagi memastikan masjid dapat memainkan peranannya yang aktif dalam proses pembangunan negara. Sebagai pusat tumpuan umat Islam, masjid perlu menjadi pemangkin, penggerak dan pencetus dalam proses untuk meningkatkan pencapaian ummah dalam bidang pendidikan, sosio-ekonomi, politik dan sebagainya. Pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid hendaklah mempunyai minda terbuka, berfikiran kritis dan kreatif dari semasa ke semasa agar institusi ini boleh melahirkan ummah yang cemerlang dari segenap aspek.

Sementara itu, dakwah adalah sangat berkait rapat dengan masjid. Meskipun dakwah itu sendiri tidak hanya dibatasi di masjid saja, namun masjid sudah menjadi tempat berkumpulnya umat dakwah yang mudah untuk didatangi. Masjid perlu dijadikan pengkalan dakwah terutamanya kepada masyarakat yang tinggal di sekitarnya sehingga terwujudnya masyarakat yang beriman dan bertakwa. Kajian Ezad Azraai et al. (2010) mengenai “Peranan dan sumbangan institusi masjid dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura” telah mendapati bahawa masjid melalui program yang dilaksanakannya membangunkan sahsiah masyarakat Melayu Singapura terutamanya di sekitar kawasan masjid tersebut. Sehubungan itu, Ahmad Muhsin (2010) menjelaskan bahawa untuk menghasilkan keberkesanan dalam program dakwah di masjid, setiap masjid perlulah menyediakan pemetaan dakwah yang mendatakan latar belakang umat dakwah di kawasannya supaya program yang sesuai dapat disusun untuk mereka.

Mohd Azam Jaafar (2003) dalam tesis sarjananya bertajuk “Peranan Masjid Arau Dalam Mengubah Pemikiran Masyarakat Setempat” telah mengkaji tentang sambutan masyarakat terhadap program-programnya, kesesuaian program itu dengan masyarakat setempat, peranan masjid dalam mengubah sikap, budaya dan pemikiran masyarakat di kawasan tersebut. Kajian ini mendapati program-program yang dijalankan berhasil mengubah sikap masyarakat kawasan sekitarnya, namun masih terdapat beberapa program yang perlu diperkembangkan untuk memberikan kesan yang lebih baik kepada masyarakat setempat dan memaksimumkan peranan masjid dalam pembangunan masyarakat.

## **5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu menggunakan instrumen soal selidik dan temubual di lapangan untuk mendapatkan maklumat. Populasi dalam kajian ini adalah pelatih-pelatih polis yang mengikuti latihan Konstabel polis dan Inspektor pelatih polis, yang berjumlah seramai 1000 orang. Soal selidik dijalankan ke atas 100 orang pelatih (81 orang pelatih konstabel polis dan 19 orang pelatih Inspektor polis) di PULAPOL Kuala Lumpur dengan menggunakan kaedah persampelan yang diambil secara rawak daripada populasi

untuk mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan program dakwah yang dijalankan oleh Masjid PULAPOL. Temubual bersemuka dengan 2 orang pegawai pengurusan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) dan 2 orang pegawai Masjid PULAPOL dijalankan untuk mendapatkan pandangan mereka terutamanya tentang masalah yang dihadapi dan keberkesanan program yang dijalankan.

## 6.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Keberkesanan Program


Jadual 1 dan *raajah 1* menunjukkan hasil soal selidik berhubung dengan kesan program pengukuhan kerohanian yang dijalankan. Hasil soal selidik menunjukkan program khusus pengukuhan spritual yang dijalankan oleh pihak pengurusan PULAPOL meninggalkan kesan kepada pelatih-pelatih polis. Skor min yang tinggi iaitu melebihi 4.0 menunjukkan program yang dijalankan dapat memberikan kesan yang baik.

**Jadual 1 Kesan program khusus pengukuhan spiritual pelatih polis**

Kesan	Mean*	SD
Kelas pengajian agama dapat menambah pengetahuan saya	4.33	.779
Kelas pengajian agama memberi kesedaran kepada saya untuk beramal dengan amalan agama	4.31	.692
Kelas pengajian agama memberi kesedaran kepada saya	4.27	.709
Kelas pengajian agama berjaya membaiki akhlak mengikut akhlak terpuji	4.22	.719
Program menarik minat saya untuk mendalami ilmu agama dan beramal denganya	4.25	.672
Program adalah baik dan berkesan memberi kefahaman Islam, menambah kesedaran dan membaiki keperibadian	4.27	.679

\*Skala Min 1-5

**Rajah 1. Kesan program pengukuhan spiritual pelatih polis**



## 6.2 Kesesuaian Tempoh Program, Tempat, Penceramah dan Tajuk-tajuk Yang disampaikan

Jadual 2 menunjukkan analisis soal selidik mengenai tempoh program yang dijalankan, kesesuaian tempat menjalankan program, penceramah dan tajuk-tajuk yang disampaikan. Secara umum pelatih-pelatih yang mengikuti program berpuashati dengan tempat menjalani program, kesesuaian tenaga pengajar dan tajuk-tajuk yang disediakan dengan purata skor min 4.21, 4.27 dan 4.24 masing-masing. Sementara itu, skor min bagi tempoh masa bagi program yang dijalankan juga menghampiri skor yang tinggi iaitu 3.85.

**Jadual 2 Kesesuaian/ keberkesanan program (masa, tempat, penceramah, tajuk-tajuk yang disampaikan)**

<b>Kesesuaian Program</b>	<b>Mean*</b>	<b>SD</b>
Jangkamasa/ Tempoh	3.85	1.029
Tempat	4.21	0.832
Penceramah	4.27	0.709
Tajuk-tajuk yang disampaikan	4.24	0.740


\*Skala Min 1-5

## 6.3 Kecukupan Tajuk-tajuk Yang Disampaikan

Jadual 3 dan *Rajah 2*. menunjukkan persepsi pelatih konstabel polis mengenai tajuk-tajuk yang disampaikan. Secara keseluruhan, pelatih konstabel polis merasakan bahawa hampir semua tajuk yang disampaikan dalam program pengukuhan spritual adalah mencukupi. Responden sangat berpuashati dengan tajuk-tajuk yang diajarkan mengenai akidah dan ibadah asas seperti bersuci, solat, puasa dan zakat (84% hingga 90%) dan menyatakan tajuk-tajuk yang disampaikan tersebut adalah mencukupi. Manakala tajuk-tajuk mengenai integriti dalam Islam, ibadah haji, kurban dan pengurusan jenazah masih di tahap sederhana (63% hingga 68%) kerana masih terdapat 32% hingga 37% responden yang menyatakan tajuk-tajuk tersebut memerlukan penambahbaikan.

**Jadual 3 Kecukupan program pengukuhan spritual pelatih konstabel polis**

<b>Tajuk Yang Diajar Dalam Program</b>	<b>Mencukupi</b>		<b>Perlu Penambahbaikan</b>	
	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Akidah Islam	73	90.0	8	10.0
Fiqih bab bersuci	73	90.0	8	10.0
Ibadat solat	73	90.0	8	10.0
Ibadat puasa	68	84.0	13	16.0
Ibadat zakat	68	84.0	13	16.0
Cara-cara berdoa dan tahlil	60	74.0	21	26.0
Integriti dalam Islam	55	68.0	26	32.0
Ibadat haji dan korban	51	63.0	30	37.0

**Rajah 2. Kecukupan program pengukuhan kerohanian pelatih konstabel polis**


Jadual 4 dan *rajah 3* menunjukkan kecukupan tajuk-tajuk yang disampaikan dalam program pengukuhan kerohanian untuk pelatih Inspektor polis. Bagi pelatih-pelatih Inspektor polis pula, secara keseluruhannya responden menyatakan tajuk-tajuk yang disampaikan adalah mencukupi dan dapat memuaskan hati mereka. Tajuk-tajuk yang mendapat peratusan yang tinggi adalah tajuk mengenai sifat-sifat hati (94.7%); tajuk mengenai manusia dan agama, budaya kelas pertama PDRM, kaedah fekah (masing-masing 89.5%); tajuk mengenai membina jati diri, amanah dalam Islam, nilai-nilai murni, hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia (masing-masing 84.2%) serta tajuk mengenai menghormati tetamu, ibadah, penyucian jiwa dan peranan doa (masing-masing 79%). Tajuk-tajuk yang mendapat peratusan yang tinggi tersebut merupakan tajuk-tajuk yang paling memuaskan hati responden dan dirasakan telah mencukupi untuk memberi kefahaman agama kepada mereka. Maklumbalas soal selidik menunjukkan tajuk-tajuk lain yang mendapat peratusan yang lebih rendah iaitu tajuk mengenai muhasabah diri, membina insan menjadi ihsan dan kepimpinan dalam Islam (masing-masing 73.7%), tajuk mengenai prosedur perkahwinan (68.5%) dan tajuk mengenai akhlak, moral dan etika (63.2%). Cuma terdapat dua tajuk iaitu tajuk mengenai penceraian (pembubaran perkahwinan) dan hak selepas penceraian yang menerima peratusan yang agak rendah (masing-masing 58% dan 52.6%). Hampir separuh responden (42% bagi tajuk pembubaran perkahwinan dan 47.4% bagi tajuk hak selepas perkahwinan) memberi maklumbalas dengan menyatakan bahawa penambahbaikan perlu dilakukan bagi kedua-dua tajuk tersebut.



**Jadual 4 Kecukupan program pengukuhan kerohanian pelatih Inspektor polis**

Tajuk Yang Diajar Dalam Program	Mencukupi		Perlu Penambahbaikan	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Sifat-sifat hati	18	94.7	1	5.3
Manusia dan agama	17	89.5	2	10.5
Budaya kelas pertama PDRM	17	89.5	2	10.5
Konsep kaedah fekah	17	89.5	2	10.5
Membina jati diri	16	84.2	3	15.8
Amanah dan tanggungjawab mengikut Islam	16	84.2	3	15.8
Nilai-nilai murni dalam organisasi	16	84.2	3	15.8
Hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia	16	84.2	3	15.8
Menghormati tetamu	15	79.0	4	21.0
Ibadah menjana kejayaan	15	79.0	4	21.0
Penyucian jiwa	15	79.0	4	21.0
Doa dan peranannya	15	79.0	4	21.0
Muhasabah diri	14	73.7	5	26.3
Membina insan menjadi ihsan dalam PDRM	14	73.7	5	26.3
Kepimpinan kepolisan dalam Islam	14	73.7	5	26.3
Prosedur sebelum perkahwinan	13	68.5	6	31.5
Penerapan akhlak, moral dan etika dalam PDRM	12	63.2	7	36.8
Pembubaran perkahwinan	11	58.0	8	42.0
Hak selepas penceraian	10	52.6	9	47.4

**Rajah 3. Kecukupan program pengukuhan kerohanian pelatih Inspektor polis**



#### **6.4 Program Keagamaan Lain Dikendalikan Oleh Masjid**

Hasil soal selidik mendapati program yang dianjurkan oleh pihak masjid itu juga telah mendatangkan kesan kepada pengukuhan kerohanian pelatih-pelatih polis. Jadual 5 menunjukkan keberkesanan program agama yang dikendalikan oleh pihak masjid. Skor min yang tinggi iaitu 4.12 menunjukkan program-program yang dijalankan di masjid telah berjaya memberikan kesedaran dan menambah kefahaman agama kepada pelatih-pelatih polis. Jadual 6 merupakan hasil soal selidik yang menunjukkan pandangan responden mengenai keberkesanan aktiviti umum yang dijalankan oleh pihak masjid terhadap peningkatan kesedaran, penambahan pengetahuan agama dan memberi motivasi untuk mereka beramal dengan amalan Islam. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, responden menyatakan majlis tazkirah dan majlis ilmu khusus merupakan aktiviti yang memberi kesan kepada mereka kerana maklumbalas soal selidik menunjukkan peratusan yang tinggi untuk kedua-dua majlis ilmu tersebut iaitu 90% untuk majlis tazkirah dan 84% untuk majlis ilmu khusus. Sementara itu, aktiviti lain seperti ceramah-ceramah umum, sambutan hari kebesaran Islam dan majlis bacaan Yasin/tahlil hanya memberikan kesan sederhana. Manakala aktiviti kemasyarakatan atau aktiviti lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan PULAPOL tidak memberi kesan yang besar kepada peningkatan kefahaman Islam dan kerohanian mereka disebabkan aktiviti tersebut tidak dipenuhi dengan pengisian-pengisian kerohanian dan kehadiran mereka hanya secara terpaksa kerana mengikut arahan yang diberikan.

**Jadual 5 Keberkesanan program agama yang dikendalikan oleh pihak masjid**

<b>Perkara</b>	<b>Mean*</b>	<b>SD</b>
Program-program keagamaan di masjid telah memberi kesedaran, menambah kefahaman Islam serta membaiki keperibadian saya	4.12	0.769

\*Skala Min 1-5

**Jadual 6 Persepsi pelatih-pelatih mengenai keberkesanan aktiviti umum di Masjid PULAPOL terhadap peningkatan fahaman dan amalan Islam**

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti dakwah</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
1.	Menghadiri aktiviti solat jemaah lima waktu	70	70
2.	Menghadiri majlis tazkirah selepas maghrib dan subuh	90	90
3.	Menghadiri majlis ilmu khusus untuk pelatih-pelatih oleh penceramah luar	84	84
4.	Menghadiri majlis ceramah umum (ceramah bulanan, ceramah perdana, ceramah majlis israk mikraj, dan sebagainya)	64	64
5.	Menghadiri majlis bacaan Yasin dan tahlil	54	54
6.	Menyertai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh pihak masjid dan PULAPOL	44	44
7.	Menyertai aktiviti menyambut hari kebesaran Islam (ma'al hijrah, menyambut awal Ramadan, hari keputeraan Rasulullah saw, dan sebagainya)	52	52
8.	Menghadiri aktiviti lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan PULAPOL	42	42

## **7.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Dapatan kajian menunjukkan program dakwah melalui Modul Pengukuhan Kerohanian yang dijalankan oleh Masjid PULAPOL telah meninggalkan kesan yang baik kepada pelatih-pelatih polis apabila mencapai skor min yang tinggi iaitu melebihi 4.0. Semua responden bersetuju bahawa program yang dijalankan dapat menambah pengetahuan agama mereka, memberi kesedaran agama kepada mereka untuk beramal dengan amalan Islam terutamanya solat, berjaya menambah kefahaman Islam mereka, menarik minat mereka untuk mendalami ilmu agama dan berjaya membaiki akhlak mereka. Keadaan ini menunjukkan program pengukuhan spritual ini memang diperlukan oleh pelatih-pelatih polis terutamanya jika dilihat sebahagian besar daripada pelatih-pelatih tersebut hanya mempunyai tahap pendidikan agama yang sederhana yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Hasil temubual dengan pegawai yang mengendalikan program juga menjelaskan bahawa program dakwah yang dijalankan di masjid PULAPOL memang memberikan kesan kepada pelatih-pelatih polis yang mengikutinya. Namun, menurut mereka, adalah agak sukar untuk menilai sejauhmana program yang dijalankan tersebut dapat membentuk akhlak yang baik sehingga ia menjadi amalan kepada pelatih-pelatih polis apabila mereka menamatkan latihan kelak. Mereka berpendapat bahawa pelatih-pelatih polis tersebut memang memerlukan pemahaman tentang Islam khususnya dalam hal ibadah. Apa yang disampaikan dalam program pengukuhan kerohanian ini hanyalah secara ringkas sahaja dalam hal akhlak, ibadah dan akidah.

Kajian menunjukkan pelatih-pelatih yang mengikuti program berpuashati dengan tempat menjalani program, kesesuaian tenaga pengajar dan tajuk-tajuk yang disediakan. Namun, maklumbalas yang diterima menunjukkan tempoh masa untuk mengikuti program pengukuhan kerohanian masih tidak mencukupi. Hal ini diakui sendiri oleh tenaga pengajar yang terlibat bahawa memang masa yang diperuntukkan terlalu singkat dan tidak banyak perkara yang boleh disampaikan oleh mereka.

Hasil kajian mendapati kandungan program pengukuhan kerohanian yang dijalankan untuk pelatih konstabel polis adalah mencukupi terutamanya bagi tajuk-tajuk berhubung dengan akidah dan ibadah asas (bersuci, solat, puasa dan zakat). Namun, bagi tajuk-tajuk berhubung dengan fardu kifayah (doa dan tahlil, integriti dalam Islam dan pengurusan jenazah) adalah didapati masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan diri mereka untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang hal tersebut. Sementara itu, bagi pelatih-pelatih Inspektor polis mendapati program yang dijalankan berjaya memuaskan keperluan mereka untuk memahami agama kecuali terdapat beberapa tajuk yang perlu diberikan penekanan yang lebih mendalam iaitu mengenai akhlak dan hal-hal mengenai perkahwinan serta penceraian. Temubual dengan pihak pengurusan Masjid PULAPOL menjelaskan kebanyakan pelatih konstabel polis mempunyai kelulusan akademik dan pengetahuan agama yang agak rendah berbanding dengan pelatih Inspektor polis. Mereka lambat memahami sesuatu perkara yang diajar, apatah lagi masa yang diperuntukkan juga agak singkat. Menurut pegawai yang ditemubual, tahap penerimaan dan kefahaman pelatih konstabel polis agak rendah dan sesetengah perkara memerlukan penerangan yang berulang-ulang kali sebelum mereka boleh memahaminya.

Selain program dakwah melalui modul khas yang disediakan, terdapat juga program umum lain yang dijalankan di Masjid PULAPOL dan perlu dihadiri oleh pelatih-pelatih polis. Namun, program umum di masjid tersebut tidak banyak memberi impak kepada pengukuhan kerohanian pelatih-pelatih polis di pusat latihan tersebut. Hanya tazkirah dan ceramah agama

yang dijalankan di masjid tersebut sahaja yang memberi kesan kepada kefahaman agama dan kerohanian mereka. Aktiviti umum lain tidak memberi kesan yang besar disebabkan aktiviti tersebut tidak dipenuhi dengan pengisian-pengisian kerohanian dan kehadiran pelatih-pelatih hanya secara terpaksa kerana mengikut arahan yang diberikan.

Menurut pegawai yang ditemubual, terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan program dakwah kepada pelatih-pelatih polis tersebut iaitu keadaan di Masjid PULAPOL yang tidak begitu selesa dengan jumlah pelatih yang dikumpulkan serentak dalam satu-satu program menyebabkan pelatih mudah hilang tumpuan, peruntukan masa untuk mengendalikan kelas pengukuhan kerohanian ini amatlah sedikit sedangkan tajuk yang hendak disampaikan terlalu banyak, bilangan tenaga pengajar (uztaz) yang kurang sedangkan bilangan pelatih yang ramai, silibus kelas kerohanian yang masih belum lengkap dan komprehensif. Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan seperti berikut:

1. Penyediaan silibus yang lengkap dan komprehensif serta dapat menepati keperluan sebenar pelatih-pelatih polis di PULAPOL.
2. Memperkemaskan cara pelaksanaan program dengan menyediakan alat bantu mengajar yang lebih sesuai, bentuk-bentuk pelaksanaan yang lebih berkesan dan tempat yang lebih sesuai dengan jumlah peserta yang sesuai dalam setiap kumpulan.
3. Menambah tenaga pengajar supaya sesuai dengan jumlah pelatih-pelatih yang mengikuti program.
4. Memperuntukkan masa yang lebih panjang dalam modul yang ditetapkan.
5. Menyediakan peruntukan khas bagi pelaksanaan program.
6. Menjadikan program pengukuhan kerohanian sebagai salah satu mata pelajaran atau modul yang diberikan penilaian seperti juga dengan modul-modul latihan yang lain.

## **8.0 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, masjid PULAPOL sememangnya menjadi wasilah atau institusi yang penting dalam menyampaikan dakwah kepada pelatih-pelatih polis. Berbagai aktiviti dilakukan oleh pihak pengurusan Masjid PULAPOL dengan kerjasama Bahagian Agama dan Kaunseling PULAPOL untuk memberi kefahaman Islam, menanamkan kesedaran kepada pelatih sebagai hamba Allah dan meningkatkan motivasi diri supaya pelatih-pelatih dapat berakhlak dengan akhlak Islam yang terpuji. Sebagai pusat tumpuan umat Islam di pusat latihan ini, masjid sememangnya menjadi pemangkin, penggerak, dan pencetus dalam proses pembangunan umat warga PULAPOL Kuala Lumpur termasuk juga pelatih-pelatih polis. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki dan masih banyak aktiviti yang perlu dilakukan oleh Institusi masjid bagi memastikan masjid boleh memainkan peranannya yang aktif dalam proses pembangunan insan pelatih-pelatih polis tersebut.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Mohd. Zin. 2011. *Institusi masjid dalam pembangunan umat Islam masa kini*. Kertas kerja Seminar Pembangunan Ummah peringkat negeri Selangor. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor. 20-21 Julai, 2011.
- Abdul Halim Nasir. 1984. *Masjid-masjid di semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

- Ahmad Muhsin Kamaludiningrat. 2010. Meningkatkan fungsi dan peran dalam dakwah dan pembinaan masyarakat madani, beriman dan bertakwa. *Jurnal Ulama. Tahun 3. Vol. 3. No. 1.* ms. 8-21.
- Azyumardi Azra. 2003. *Surau: Islam tradisional dalam transisi dan modernisasi.* Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar, Zamri Arifin. 2010. Peranan dan sumbangan institusi masjid dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu kajian di Masjid Assyafah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education.* 2(2): 31-44.
- Haron Din. 1988. *Manusia dan Islam.* Kuala Lumpur: Watan.
- Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmin. 2008. *Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari.* Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 1999. *Peranan, kurikulum dan rekabentuk masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohad Shauki Abd Majid. *Amanah asas kepimpinan berintegriti.* Dlm Mustafar Haji Ali dan Adanan Mat Junoh (editor). *Integriti dan Islam. Aplikasi berkesan membangun ummah.* Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- M.Quraish Shihab.1996. *Wawasan al-Quran tafsir maudhu atas pelbagai persoalan umat. Cetakan 3.* Bandung: Mizan.
- Norradzoh Hj. Siren dan Yusmini Md. Yosoff. 2008. *Membangun Institusi Masjid.* Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya & Intel Multimedia and Publication.
- Pusat Latihan Polis (PULAPOL). 2013. *Buku panduan latihan untuk pelatih polis 2013.* Kuala Lumpur: t.pt.
- Salim Saleh Almuhdor. 2008. Fungsi dan peranan masjid dalam dakwah. *Jurnal El-Hikmah.* Volume 1. No.1. Disember, 2008. m.s. 96-107.
- Sidi Ghazalba.1975. *Masjid: Pusat ibadah dan kebudayaan Islam.* Jakarta: Pustaka Antara.

Mohd Helmi bin Abd Rahim  
E-mail: mhelmi@ukm.my